

Sengsara 434,197 keluarga miskin ketika inflasi

PETALING JAYA: Malaysia merekodkan 434,197 Ketua Isi Rumah (KIR) tergolong dalam kelompok miskin dan miskin tegar dengan kehidupan kumpulan itu semakin tersepit apabila negara kini dilanda kenaikan kos sara hidup akibat inflasi.

Daripada 434,197, sebanyak 130,709 mewakili KIR berstatus miskin tegar manakala 303,488 lagi KIR berstatus miskin.

Kadar garis kemiskinan na-

sional di Malaysia ialah pendapatan bagi satu keluarga RM2,208 sebulan manakala bagi miskin tegar bawah RM1,169.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kadar KIR yang direkodkan Data Kemiskinan Nasional (eKasih) Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) se-

hingga 15 September lalu, sangat merungsingkan.

Menurut beliau, ini kerana negara ketika ini berdepan situasi luar jangka dengan peningkatan kos sara hidup selepas baru pulih daripada pandemik Covid-19 yang membuatkan ramai terjejas punca rezeki sehingga ada terjerumus dalam status miskin dan miskin tegar.

Bersambung di muka 2

Sengsara 434,197 keluarga miskin ketika inflasi

Dari muka 1

Kata beliau, paras peningkatan garis kemiskinan yang dikemas kini dan keadaan luar jangka semasa wabak Covid-19 antara faktor besar menyumbang kepada peningkatan KIR.

Menurut beliau, ini kerana ramai yang mengalami kekurangan pendapatan dan hilang pekerjaan semasa pandemik, malah jumlah pengangguran masih tinggi walaupun kerajaan terdahulu mengemukakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat yang terkesan.

"Malah, kalau kita lihat isu taburan kekayaan iaitu jurang pendapatan dan kekayaan itu memang semakin melebar dalam tempoh dua atau tiga tahun ini, cuma statistik itu belum dikemas kini.

"Tetapi, kita boleh melihat prestasi jualan kedai pajak gada yang meningkat, depresi dan kes-kes bunuh diri makin meningkat adalah antara pertanda semakin ramai yang sedang terjerumus dalam kancas kemiskinan," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Walaupun, data kemiskinan eKasih bersifat dinamik dan sentiasa berubah serta berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan melalui laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019.

Mengulas lanjut, Dr. Ahmed Razman berkata, kebanyakan inisiatif yang diberikan untuk membantu KIR sebelum ini bersifat *one-off*, sementara dan jangka masa pendek.

Katanya, tindakan *one-off*

itu tidak banyak membantu kerana kebanyakan keluarga KIR mempunyai komitmen hutang yang berterusan.

"Inisiatif moratorium pun hanya enam bulan dan ada faedah tambahan yang dikenakan," malah boleh lihat tidak ada langung pemansuhan hutang sama ada dari segi pemansuhan kadar bunga atau pemansuhan prinsipal sepanjang pandemik," katanya.

Dalam pada itu, Felo Institut Masa Depan Malaysia, Datuk Dr. Madeline Berma berkata, kadar KIR yang berdaftar dalam sistem eKasih itu masih tidak menggambarkan kemiskinan sebenar di negara ini.

Menurut beliau, ini kerana angkanya boleh menjadi lebih tinggi kerana ada kemungkinan terdapat ramai lagi KIR berstatus sama yang tidak disantuni untuk berdaftar.

"Masalah kedua pula, angka sebenar boleh jadi lebih rendah kerana mungkin ada KIR yang sudah keluar daripada kedua-dua status itu tidak melapor sedangkan sudah melepasi garis kemiskinan.

"Kita tidak boleh kenal pasti sebab tidak ada sistem yang mengesan mereka keluar daripada status miskin, jadi buat apa mereka mahu melapor kalau boleh mendapat bantuan apabila tetap berdaftar dalam sistem itu.

"Contoh garis kemiskinan adalah RM2,208, jadi lebih baik laporkan pendapatan di bawah itu sebab bila duduk dalam eKasih dapat bantuan...anak mereka dapat bantuan, sedangkan mereka sudah melepasi garis kemiskinan," kata beliau.

6 negeri tertinggi KIR Miskin dan Miskin Tegar

(Setakat 15 September 2022)



Sarawak

93,901 KIR

59,737 KIR 'miskin'

34,164 KIR 'miskin tegar'



Kelantan

72,104 KIR

58,565 KIR 'miskin'

13,539 KIR 'miskin tegar'



Sabah

64,618 KIR

43,848 KIR 'miskin'

20,770 KIR 'miskin tegar'



Perak

33,047 KIR

24,727 KIR 'miskin'

8,320 KIR 'miskin tegar'



Terengganu

32,111 KIR

26,398 KIR 'miskin'

5,713 KIR 'miskin tegar'



Kedah

28,935 KIR

17,053 KIR 'miskin'

11,882 'miskin tegar'